

Kertas Bil. 18/2020



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS
PADA 16 DAN 17 MAC 2020**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG TAHAP
KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL
YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI
NEGERI SELANGOR**

KERTAS BILANGAN 3/2020

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 16 MAC DAN 17 MAC 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bilangan 03 / 2020	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR	7.1 Jawatankuasa berpendapat perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat JobsMalaysia dan program-program job fair harus ditambah baik dengan mewujudkan pusat-pusat khas untuk membantu rakyat memperoleh khidmat nasihat / kaunseling berkenaan cara membuat resume, tatacara temuduga, dan juga nasihat berkenaan bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan pencari kerja dari pelbagai aspek. Pusat-pusat khas ini bertujuan untuk membantu rakyat meningkatkan tahap kebolehkeraan dan kebolehpasaran mereka agar mendapat pendapatan / gaji yang lebih baik dan mengurangkan tahap kemiskinan.	DITERIMA		Pada masa kini terdapat lapan (8) pusat Jobs Malaysia di Selangor iaitu di Shah Alam (UTC), Bangi, Rawang, Pelabuhan Klang, Kuala Selangor, Kelana Jaya, Subang Jaya dan Cyberjaya. Pusat – pusat ini menawarkan bimbingan kerjaya dan khidmat nasihat yang bersesuaian bagi pencari kerja yang berminat. Di samping itu, pencari kerja juga digalakkan untuk mendaftar di Portal JobsMalaysia untuk mengetahui jawatan – jawatan kosong dan hebahan melalui emel mengenai temuduga / karnival kerjaya yang akan dilaksanakan oleh pihak JobsMalaysia.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN
KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS PADA 16 MAC DAN 17 MAC 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		7.2 Jawatankuasa mencadangkan kerajaan negeri menyediakan peruntukan kewangan untuk meningkatkan tahap kemahiran kebolehkeraan (<i>employability</i>) iaitu kemahiran dan kualiti individu yang dikehendaki oleh para majikan seperti kemahiran komunikasi (lisan dan bukan lisan), penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis kepada pekerja dan pencari kerja di Selangor.	DITERIMA		Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pembangunan kemahiran melalui Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS). Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan kebolehkeraan dengan mewujudkan Program Khas pada masa sekarang. Kerajaan Negeri sedang merangka strategik dengan pihak MBI bagi maksud tersebut.



YB. TUAN MOHD KHAIRODDIN HJ. OTHMAN
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap,
 Pembangunan Generasi Muda, Sukan
 & Pembangunan Model Insan


2 | Page

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 16 MAC DAN 17 MAC 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		7.3 Jawatankuasa berpendapat kerajaan negeri perlu menyediakan kemudahan pinjaman kewangan kepada pekerja yang ingin memperoleh atau meningkatkan tahap Kemahiran Teknikal (<i>hard skills</i>) dan memperoleh sijil kelayakan agar ia dapat meningkatkan peluang mereka untuk menjawab jawatan yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi seperti kemahiran dalam Bidang Kompetensi Kimpalan (welding) atau Elektrik (chargemen)	DITERIMA		Telah dilaksanakan melalui Program IKTISASS/TVET. Program dilaksanakan secara pembiayaan terus/tajaan. Selain itu, cadangan untuk secara pinjaman akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan pada masa akan datang.
		7.4 Jawatankuasa berpendapat kerajaan negeri perlu meluaskan bidang-bidang yang ditawarkan dalam program IKTISASS mengikut keperluan industri / pasaran kerja.	DITERIMA		Program IKTISASS dilaksanakan berpanduan 5 bidang fokus yang digariskan oleh Invest Selangor bagi memastikan latihan yang dilaksanakan memenuhi keperluan industri. Bidang fokus tersebut ialah Sains Hayat, Elektrik & Elektronik, Pengangkutan, Mesin dan Peralatan, Makanan dan Minuman.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BERHUBUNG TAHAP KEMAHIRAN
KEBOLEHKERJAAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG MAMPU MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT DI NEGERI SELANGOR
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS PADA 16 MAC DAN 17 MAC 2020

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
		7.5 Jawatankuasa mencadangkan agar kerajaan memantau status pekerjaan dan tahap pendapatan pelatih-pelatih (sebelum dan selepas kursus) yang telah berjaya menamatkan kursus di bawah program IKTISASS supaya kejayaan program ini untuk meningkatkan pendapatan peserta dapat diukur.	DITERIMA		Pelaksanaan Program IKTISASS mengambil perhatian mengenai tahap pendapatan pelatih supaya seiring dengan latihan yang diberikan. Selain itu, kerajaan negeri sedang menyediakan kerangka yang komprehensif bagi pelaksanaan Program IKTISASS.



YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN HJ. OTHMAN
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap,
 Pembangunan Generasi Muda, Sukan
 & Pembangunan Modal Insan